

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, aktiviti penjanaaan kelayakan cuti pegawai bagi tahun baru dalam Aplikasi HRMIS akan dilaksanakan setiap penghujung tahun semasa dan awal tahun baru.

3. Untuk makluman, aktiviti Penjanaaan Kelayakan Cuti HRMIS Bagi Tahun 2017 akan dilaksanakan mengikut Jadual seperti di bawah. Sehubungan dengan itu, semua agensi diharap dapat mematuhi jadual tersebut bagi memastikan aktiviti ini berjalan lancar.

4. Adalah dipohon perhatian bahawa **fungsi Permohonan Cuti akan ditutup sementara dari 14 Disember 2016 hingga 2 Januari 2017** bagi memastikan kelancaran proses penjanaaan kelayakan cuti tahun 2017. Oleh itu, sebarang permohonan cuti yang perlu dibuat sepanjang tempoh penutupan ini perlu menggunakan Borang Manual. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh Pentadbir Cuti Agensi bagi memastikan maklumat kelayakan cuti pegawai dapat dijana dengan tepat:

- a. Memastikan semua cuti pegawai bagi tahun 2016 yang dipohon melalui Borang Manual dikemaskini di HRMIS melalui menu Data Sejarah sebelum mereka membuat permohonan GCR dan Cuti Bawa ke Hadapan.
- b. Memastikan semua permohonan cuti pegawai telah diluluskan sebelum mereka membuat permohonan GCR dan Cuti Bawa ke Hadapan.
- c. Memastikan permohonan GCR dan Cuti Bawa ke Hadapan pegawai telah diluluskan sebelum melaksanakan aktiviti Penjanaaan Kelayakan Cuti.

Sebarang pertanyaan/masalah berkenaan perkara ini boleh dikemukakan kepada helpdesk HRMIS JPA.

Jadual Aktiviti Penjanaan Kelayakan Cuti HRMIS Bagi Tahun 2017

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR
1.	Permohonan Cuti Rehat CO bagi perancangan cuti sehingga Disember 2016	Pemilik Kompetensi (CO)	21/11/2016 (Isnin)	11/12/2016 (Ahad)
2.	Menyokong Cuti	Penyokong Cuti	21/11/2016 (Isnin)	13/12/2016 (Selasa)
3.	Melulus Cuti	Pelulus Cuti	21/11/2016 (Isnin)	13/12/2016 (Selasa)
4.	Semakan dan Kemaskini Status Cuti	Pentadbir Cuti	21/11/2016 (Isnin)	13/12/2016 (Selasa)
5.	Penutupan Permohonan Cuti Rehat (HRMIS dan MyHRMIS Cuti) dan Penutupan Penjanaan Kelayakan Cuti	JPA	14/12/2016 (Rabu)	2/1/2017 (Isnin)
6.	Permohonan GCR dan Cuti Bawa Ke Hadapan	Pemilik Kompetensi (CO)	14/12/2016 (Rabu)	21/12/2016 (Rabu)
7.	Melulus GCR dan Cuti Bawa Ke Hadapan	Pelulus GCR	14/12/2016 (Rabu)	21/12/2016 (Rabu)
8.	Semakan Status Permohonan GCR dan Cuti Bawa Ke Hadapan	Pemilik Kompetensi (CO) / Pentadbir Cuti	14/12/2016 (Rabu)	21/12/2016 (Rabu)
9.	Penjanaan Kelayakan Cuti 2017	Pentadbir Cuti	22/12/2016 (Khamis)	2/1/2017 (Isnin)
10.	Semakan Kelayakan Cuti 2017 dan Permohonan Cuti melalui HRMIS dan MyHRMIS Cuti dibuka	Pemilik Kompetensi (CO)	3/1/2017 (Selasa)	